

NHF JOINS TALENT EXHIBITION IN TAIPEI

NHF sertai Pameran Bakat di Taipei

KUALA LUMPUR 30 Julai - New Hoong Fatt Holdings Bhd. (NHF) bersama 16 buah syarikat dari Malaysia telah menyertai Pameran Pengambilan Bakat Malaysia di Taipei 2013 pada 25 dan 26 Julai lalu.

Menurut kenyataan NHF hari ini, lebih 100 jawatan telah ditawarkan pada acara itu serta berjaya menarik lebih daripada 300 graduan Malaysia yang bersamaan purata sebanyak tiga calon untuk setiap satu jawatan.

Acara tersebut dianjurkan oleh Malaysian Chamber of Commerce and Industry in Taipei (MAYCHAM) dengan kerjasama Malaysia Student Association in Taiwan (MSAIT) dan TalentCorp.

Naib Penggerusi MAYCHAM, James K.C. Lau dan Pengarah Urusan Kumpulan NHF, Chin Jit Sin bersetuju bahawa acara pengambilan ini sangat berjaya dan bermakna untuk Malaysia.

Kata mereka, semua syarikat dan pengangsur bersama sangat berpuas hati dengan hasil acara berkenaan.

"Kami berharap MAYCHAM dapat menganjurkan acara yang serupa setiap tahun, sebaik-baiknya pada awal bulan Jun bagi membolehkan lebih ramai graduan menyertainya," ujar mereka.

Acara yang julung kali diadakan ini telah menarik ahli-ahli daripada Federation of Malaysian Manufacturers (FMM), Malaysian Plastics Manufacturers Association (MPMA), Malaysian Automotive Component Parts Manufacturers (MACPMA), Malaysia Steel And Metal Distributors Association (MSMDA), Malaysia Mould & Die Association (MMDA), Malaysia Water Association (MWA) dan VISTAGE.